A

Manoharan a/l Malayalam dan lain-lain lwn Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia dan satu lagi

B

MAHKAMAH PERSEKUTUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO 05–18 OF 2008
ALAUDDIN SHERIFF PMR, ARIFFIN ZAKARIA HB (MALAYA) DAN HASHIM YUSOFF HMP
C 14 MEI 2008

Tahanan Pencegahan — Perintah tahanan — Permohonan untuk habeas corpus — Sama ada perintah tahanan di bawah s 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ('Akta') tidak sah kerana tiada siasatan dibuat di bawah s 73 Akta — Sama ada ss 73 dan 8 Akta adalah 'inextricably connected' — Sama ada terdapat ketidakpatuhan prosedur kepada s 11(2)(b) Akta dan k 3(1) Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat 1972 — Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ss 8 & 73 — Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat 1972

D

E

Terdapat lima rayuan yang difailkan oleh perayu-perayu dan oleh kerana alasan penahanan perayu-perayu adalah sama, maka semua pihak telah bersetuju untuk berhujah atas satu rayuan iaitu rayuan semasa yang mana keputusan bagi rayuan ini akan terpakai dan mengikat rayuan-rayuan yang lain. Perayu dalam kes ini telah memohon writ habeas corpus dikeluarkan bagi membebaskannya dengan segera dan tidak ditahan semula kerana terdapat perlanggaran terhadap Perlembagaan Persekutuan. Permohonan perayu telah ditolak oleh Yang Arif pesuruhjaya kehakiman, oleh yang demikian, perayu memfailkan rayuan semasa. Isu-isu yang dibangkitkan adalah: (a) sama ada perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri ('Menteri') di bawah s 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ('Akta') tidak sah kerana tiada siasatan dibuat di bawah s 73 Akta; (b) sama ada ss 73 dan 8 Akta adalah 'inextricably connected'; dan (c) sama ada terdapat ketidakpatuhan prosedur kepada s 11(2)(b) Akta dan k 3(1) Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat 1972 ('KKLP').

F

G

H

Diputuskan, menolak rayuaan-rayuan:

(1) Mahkamah bersetuju dengan keputusan Yang Arif pesuruhjaya kehakiman bahawa s 8 Akta adalah bebas dan boleh berdiri dengan sendirinya, tanpa merujuk kepada s 73 Akta. Ini adalah kerana s 8 Akta memberi kuasa kepada menteri sendiri untuk membuat suatu perintah tahanan tanpa siasatan di bawah s 73 Akta. Jelas Parlimen telah memberikan kuasa tersebut secara nyata tanpa perlu menjalani proses siasatan. Oleh itu, perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri di bawah s 8 Akta adalah sah dan mengikut undang-undang walaupun tiada

I

siasatan atau laporan penyiasatan di bawah s 73 Akta kerana kedua-dua seksyen ini tiada kaitan (lihat perenggan 21, 32 & 35). A

(2) Mengenai isu ketidakpatuhan prosedur kepada s 11(2)(b) Akta dan k 3(1) KKLP, mahkamah percaya bahawa Yang Arif pesuruhjaya kehakiman telah menanganinya dengan teliti dan memuaskan. Kesimpulannya, perayu gagal untuk menunjukkan bukti berlakunya ketidakpatuhan atau perlanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosedur (lihat perenggan 33–34). B

[Bahasa Malaysia summary C

There were five appeals filed by the appellants and because the reasons for the detention of the appellants were the same, hence, all the parties had agreed to submit on one appeal that was the present appeal which decision would apply and bind the other appeals. The appellant in this case had applied for the issuance of a writ of habeas corpus to release him immediately and not be re-arrested due to a violation of the Federal Constitution. The appellant's application was rejected by the Honorable judicial commissioner, hence, the appellant filed the present appeal. The issues raised were: (a) whether the detention order made by the Minister of Internal Security ('the Minister') under s 8 of the Internal Security Act 1960 ('the Act') was invalid since no inquiry was made under s 73 of the Act; (b) whether ss 73 and 8 of the Act were 'inextricably connected'; and (c) whether there was a non-compliance with the procedure to s 11(2)(b) of the Act and r 3(1) of the Advisory Board Rules 1972 ('the ABR'). D E F

Held, dismissing the appeals:

(1) The court agreed with the decision of the judicial commissioner that s 8 of the Act was independent and could stand on its own, without reference to s 73 Act. This was because s 8 of the Act empowered the Minister himself to make an order of detention without an inquiry under s 73 of the Act. Obviously, parliament had in fact given these powers without having to undergo the investigation process. Hence, the order of detention made by the Minister under s 8 of the Act was valid and lawful despite no inquiry or investigation report was made under s 73 of the Act as both of these sections were independent of each other (see paras 21, 32 & 35). G H

(2) On the issue of non-compliance with the procedures to s 11(2)(b) of the Act and r 3(1) of the ABR, the court believed that the Honorable judicial commissioner had dealt with it thoroughly and satisfactorily. In conclusion, the appellant failed to show evidence of non-compliance or violation of any requirement of procedures (see paras 33–34).] I

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk habeas corpus, lihat 10(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 1578–1606.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Razak bin Baharudin & Ors v Ketua Polis Negara & Ors and another appeal [2006] 1 MLJ 320; [2005] 4 CLJ 445, MP (dirujuk)

Ketua Polis Negara v Abdul Ghani Haroon [2001] 4 MLJ 11; [2001] 2 CLJ 574, MP (dirujuk)

Mohamad Ezam bin Mohd Noor v Ketua Polis Negara & Other Appeals [2002] 4 MLJ 449; [2002] 4 CLJ 309, MP (diikuti)

Muhammad Jailani bin Kasim v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2006] 6 MLJ 403; [2006] 4 CLJ 687, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 s 6(1)

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (dimansuhkan oleh Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012) ss 8, 8(1), 8B(1), 8C(c), 11(2)(b), 73

Akta Mahkamah Keadilan 1964 s 78

Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat 1972 k 3(1)

Perlembagaan Persekutuan perkara 5(1) , (3), (4)

Karpal Singh (Gobind Singh Deo, M Kulasegaran, Sivanesan dan RSN Rayer bersamanya) (Karpal Singh & Co) bagi pihak plaintif.

Abdul Ghani Patail (Kamaludin Md Said, Abd Wahab Mohammad dan Tun Abdul Majid Tun Hamzah bersamanya) bagi pihak responden-responden.

Alauddin Sheriff PMR:

PENDAHULUAN

[1] Dihadapan mahkamah ini terdapat lima rayuan iaitu Rayuan Jenayah Nos 05–18 Tahun 2008(W), 05–19 Tahun 2008(W), 05–20 Tahun 2008(W), 05–21 Tahun 2008(W) dan 05–24 Tahun 2008(W).

[2] Perayu-perayu ialah Manoharan a/l Malayalam, Ganabatirau a/l Veraman, Vasantha Kumar a/l Krishnan, Uthayakumar a/l Ponnusamy dan Kengadharan a/l Ramasamy.

[3] Oleh kerana alasan penahanan adalah sama terhadap kesemua perayu-perayu, En Karpal Singh yang mewakili kesemua perayu-perayu bersetuju untuk berhujah atas satu rayuan iaitu 05–18 Tahun 2008 (Manoharan) yang mana keputusan akan terpakai dan mengikat

rayuan-rayuan yang lain. YB peguam negara yang mewakili kesemua responden tiada bantahan akan cadangan tersebut.

[4] Setelah mendengar hujahan-hujahan yang dibangkitkan oleh kedua-dua pihak mahkamah ini memutuskan bahawa rayuan 05–18 Tahun 2008 (Manoharan) ditolak.

[5] Alasan-alasan mahkamah ini telahpun diberikan secara ringkas pada 14 Mei 2008.

[6] Sekarang kami kemukakan alasan-alasan mahkamah ini secara terperinci.

INTI PATI PERMOHONAN PERAYU

[7] Perayu telah memohon writ habeas corpus dikeluarkan bagi membebaskan beliau dengan segera dan tidak ditahan semula kerana terdapat perlanggaran terhadap Perlembagaan Persekutuan.

[8] Alasan permohonan adalah seperti berikut:

(a) pada 13 Disember 2007 perayu ditangkap oleh pihak polis semasa berada di sebuah tempat letak kereta di bahagian 2, bawah tanah, Plaza Pantai, Kuala Lumpur. Alasan-alasan penahanan adalah kabur dan tidak mencukupi bagi tujuan perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan;

(b) penahanan perayu adalah tidak berdasarkan kuasa-kuasa yang sah;

(c) berlaku perlanggaran peruntukan perkara 5(3) dan 5(4) Perlembagaan Persekutuan;

(d) responden pertama mengeluarkan perintah tanpa menggunapakai peruntukan s 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ('AKDN 1960') yang mensyaratkan inkuiri serta siasatan polis bagi satu jangka masa tidak melebihi 60 hari termasuk mendengar pembelaan perayu dan rekomendasi dari pihak polis yang perlu dirujuk oleh responden pertama sebelum membuat keputusan untuk mengeluarkan perintah tahanan di bawah s 8(1) AKDN 1960, dan oleh itu, penahanan perayu adalah tidak sah kerana ketidakgunapakai s 73 bersama-sama s 8(1) Akta tersebut;

(e) pada 13 Disember 2007, perayu diserahkan dengan satu perintah tahanan untuk dua tahun di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping di bawah s 8(1) AKDN 1960;

A (f) sepanjang tempoh tahanan perayu telah dinafikan hak beliau untuk mengemukakan alasan-alasan tahanan dan dakwaan fakta yang bertentangan dengan perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan;

(g) responden pertama telah bertindak secara mekanikal dan pra matang; dan

B

(h) penahanan perayu adalah berlandaskan dakwaan-dakwaan fakta yang tidak berasas dan demikian tangkapan perayu sejak dari awal tidak sah dan ini menjadikan seluruh penahanan perayu tidak sah dan batal.

C UNDANG-UNDANG TERPAKAI

[9] Beban bagi rayuan ini terletak dibahu perayu untuk mernbuktikan pihak berkuasa telah tidak mematuhi kaedah-kaedah prosedur dan pihak perayu perlu memahami bahawa mala fide bukanlah satu *procedural* D *non-compliance* bagi mencabar perintah tahanan tersebut di bawah s 8(1) AKDN 1960.

[10] Seksyen 8B(1) dan 8C(c) berbunyi demikian:

E

> 8B(1)There shall be no judical review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act, save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.
>
> F
>
> (2)The exception in regard to any question on compliance with any procedural requirement in subsection (1) shall not apply where the grounds are as described in section 8A.
>
> G
>
> 8C In this Act, 'judicial review' includes proceedings instituted by way of:
>
> (a) an application for any the prerogative orders of *mandamus*, prohibition and *certiorari;*
>
> (b) an application for a declaration or an injunction;
>
> H
>
> (c) a writ of *habeas corpus;* and
>
> (d) any other suit, action or other legal proceedings relating to or arising out of any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in accordance with this Act.

I

[11] Abdul Hamid Mohamad HMP (beliau ketika itu) menerusi keputusannya di dalam kes *Abdul Razak bin Baharudin & Ors v Ketua Polis Negara & Ors and another appeal* [2006] 1 MLJ 320; [2005] 4 CLJ 445 antara lain memutuskan:

So, the test, whether subjective or objective, used to determine whether mala fide has or has not been shown is of no relevance now, in a challenge against an act done under s 8. When mala fide itself is no longer an issue under s 8 the test thereof is clearly no longer relevant. The issue now under s 8 is whether a procedural requirement has or has not been complied with eg, whether a copy of the order has been served as required by s 11, to give just one simple example.

[12] Selanjutnya YA tersebut menyatakan:

We shall now summarise our discussion in one sentence: a detention order made under s 8 of the ISA may only be challenged on the ground of procedural non-compliance and nothing else.

ISU-ISU

[13] Pihak perayu telah menimbulkan tiga isu utama di dalam rayuan ini, iaitu:

(a) perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah s 8 AKDN 1960 tidak sah kerana tiada siasatan dibuat di bawah s 73 AKDN 1960;

(b) sama ada s 73 dan s 8 AKDN 1960 adalah *inextricably connected*; dan

(c) ketidakpatuhan prosedur kepada s 11(2)(b) AKDN 1960 dan k 3(1) Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat 1972.

PERBINCANGAN DAN PENDAPAT MAHKAMAH MENGENAI ISU-ISU

[14] Setelah meneliti rekod-rekod di hadapan mahkamah ini jelas bagi kami bahawa perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri dibuat di bawah s 8(1) AKDN 1960 tanpa siasatan di bawah s 73 AKDN 1960.

[15] Setelah diteliti penghakiman Yang Arif pesuruhjaya kehakiman itu kami berpendapat bahawa keputusan beliau menolak permohonan 'habeas corpus' perayu adalah wajar dan betul.

[16] Yang Arif pesuruhjaya kehakiman itu di dalam alasan penghakimannya dengan jelas menyatakan bahawa tidak terdapat sebarang 'non-compliance of procedures' di bawah AKDN 1960 mengenai perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri seperti yang didakwa oleh perayu.

[17] Kami bersetuju dengan Yang Arif itu bahawa perintah tahanan tersebut adalah sah di sisi undang-undang sekalipun tidak terdapat satu laporan siasatan

di bawah s 73 AKDN 1960. Seksyen 73 tidak menjadi isu di dalam kes ini.

[18] Keputusan Yang Arif itu dibuat setelah mengambilkira kesemua keterangan-keterangan yang dikemukakan di mahkamah dan kami bersetuju dengan keputusan beliau bahawa penahanan perayu di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak adalah wajar, sah dan mengikut undang-undang.

[19] Menyentuh persoalan sama ada ss 73 dan 8 AKDN 1960 adalah 'inextricably connected' Yang Arif itu mengasaskan keputusannya kepada kes *Mohamad Ezam bin Mohd Noor v Ketua Polis Negara & Other Appeals* [2002] 4 MLJ 449; [2002] 4 CLJ 309.

[20] Di dalam kes tersebut Steve Shim HB (Sabah dan Sarawak) (beliau ketika itu) menyatakan di dalam penghakimannya seperti berikut:

> By 'inextricably connected' I would take it to mean that ss 73(1) and 8 are wholly dependant on each other — that there has to be a police investigation under s 73 before the minister can properly exercise his discretion to issue a detention order under s 8, or conversely, that no detention order under s 8 can properly be issued by the minister without the necessary investigation by the police under s 73. In my view, such a proposition would have the effect of inhibiting or restricting the unfettered discretion of the minister. It would mean that the minister could not, on his own and independent of the police, conduct an investigation or take into consideration factors extraneous to those arising from police investigation under s 73. What matters of national interest are infinitely varied. So are matters of national security of the state. Those are the concerns of the minister. In the exercise of his discretion, he need not necessarily have to consider and rely on police investigation. This is implicit in the very nature of an unfettered discretion. There may well be other public considerations of a political, social or economic nature having an impact on national security which are purely within his peculiar knowledge and which he considers relevant to his decision.
>
> Furthermore, police investigation under s 73 may stop short of submission or reference to the minister where circumstances reveal insufficient evidence to warrant the continued detention of the detainee. In such a case, the matter would, quite conceivably, never reach the door of the minister. Does it then follow that the powers of the minister under s 8 have become impotent and stagnant?
>
> Clearly, if it was the intention of Parliament to impose a mandatory obligation on the part of the minister to consider the police investigation under s 73 before he could issue a detention order under s 8, Parliament would have expressly provided for it ... Such express provisions are conspicuously absent in ss 8 or 73 of the ISA.
>
> Examined in the context stated, it must mean that although ss 73(1) and 8 are connected, they can nevertheless operate quite independently of each other under certain circumstances. Section 8 is not necessarily dependent on s 73(1) and vice versa. In the circumstances, it cannot therefore be said that they are 'inextricably connected'. In this respect, I must, with the greatest respect, differ from the view expressed in *Re: Tan Sri Raja Khalid and Theresa Lim*.

[21] Menerima pakai keputusan kes di atas di mana kami berpendapat bahawa ianya amat wajar dan munasabah kami bersetuju dengan keputusan Yang Arif itu bahawa s 8 AKDN 1960 adalah bebas dan boleh berdiri dengan sendirinya, tanpa merujuk kepada s 73 AKDN 1960. Ini adalah kerana s 8 memberi kuasa kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri sendiri untuk membuat suatu perintah tahanan tanpa siasatan di bawah s 73 AKDN 1960. Jelas Parlimen telah memberikan kuasa tersebut secara nyata tanpa perlu menjalani proses siasatan. Jika tidak, sudah tentu Parlimen akan menyatakan sebaliknya. Oleh itu, perintah tahanan yang dibuat di bawah s 8(1) adalah sah dan terpakai.

[22] Kes *Mohamad Ezam* ini mendapat perhatian dan sokongan dari Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Abdul Razak bin Baharudin & Ors v Ketua Polis Negara & Ors and another appeal* [2006] 1 MLJ 320; [2005] 4 CLJ 445.

[23] Di dalam penghakimannya Abdul Hamid Mohamad HMP (beliau ketika itu) telah menyentuh pendapat Steve Shim HB (Sabah dan Sarawak) di dalam kes *Mohamad Ezam* dan menyatakan demikian:

> In addition to the reasons given by Steve Shim CJ (Sabah dan Sarawak) in *Mohamad Ezam* especially at pp 473–474 of the report for holding that s 73 and s 8 are not 'inextricably connected' with which we agree, the amendments have clearly demarcated the two sections regarding the grounds for challenging the acts done thereunder. Unlike a challenge against the arrest and detention pursuant to s 73, a challenge against an act done by the Minister under s 8 can only be mounted on the ground of procedural non-compliance. *Mala fide* is not a 'procedural non-compliance.

[24] Di dalam rayuan ini (Manoharan) pihak perayu telah melemparkan berbagai dakwaan terhadap responden yang menyatakan bahawa terdapat 'non-compliance of procedure' di pihak responden tatkala membuat perintah tahanan di bawah s 8(1) AKDN 1960.

[25] Bagi menangkis dakwaan-dakwaan tersebut pihak responden telah memfailkan 21 affidavit.

[26] Jelas dari penghakimannya bahawa YA pesuruhjaya kehakiman tersebut telah meneliti kesemua kandungan affidavit-affidavit tersebut perenggan demi perenggan (sila lihat ms 228–232 rekod rayuan) dan berpendapat Menteri Dalam Negeri telah memberi pertimbangan kepada semua faktor, iaitu daripada laporan penyiasatan kes dan memutuskan perayu telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menggugat ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia iaitu dengan melibatkan diri sebagai salah seorang pemimpin pertubuhan 'Hindu Rights Action Force' ('HINDRAF'). Jelas,

tindakan menteri bukan dibuat secara mekanikal atau serkap jarang tetapi berdasarkan kepada penyiasatan fail kes yang dijalankan ke atas perayu. Dengan demikian penahanan perayu di bawah s 8(1) AKDN 1960 adalah dibuat secara sah.

[27] Di dalam penghujahannya di hadapan mahkamah ini peguam bijaksana En Karpal Singh mendakwa bahawa keputusan di dalam kes *Mohamad Ezam* adalah tidak sah dan merupakan satu 'nullity' oleh kerana ianya tidak mengikut kehendak s 78 Akta Mahkamah Keadilan 1964 disebabkan kematian salah seorang hakim yang bersidang dan sebaliknya mendesak mahkamah ini menerimapakai keputusan dalam kes *Ketua Polis Negara v Abdul Ghani Haroon* [2001] 4 MLJ 11; [2001] 2 CLJ 574.

[28] Bagi menjawab dakwaan ini kami ingin merujuk penghakiman Abdul Malek Ahmad HMP (beliau ketika itu) dalam kes *Mohamad Ezam* di ms 345–346 di mana YA hakim tersebut menyatakan:

> We sat on 13 occasions from 6 June 2001 before we reserved judgment on 28 February 2002. In the process, the panel lost one of its members with the untimely demise of our learned brother Wan Adnan Ismail, PCA, on 24 December 2001.
>
> This situation is amply covered by s 78 of the Courts of Judicature Act 1964 ('CJA') which states:
>
> 78 Continuation of proceedings notwithstanding absence of a judge.
>
> (1) If, in the course of any proceeding or, in the case of a reserved judgment, at any time before delivery of the judgment, any judge of the court hearing the proceeding is unable, through illness or any other cause, to attend the proceeding or otherwise exercise his functions as a judge of that court, the hearing of the proceeding shall, ... continue before, and judgment or reserved judgment, as the case may be, shall be given by, the remaining judges of the court, not being less than two, and the court shall, for the purposes of the proceeding, be deemed to be duly constituted notwithstanding the absence or inability to act of the judge as aforesaid.
>
> (2) In any such case as is mentioned in subsection (1) the proceeding shall be determined in accordance with the opinion of the majority of the remaining judges of the court, and, if there is no majority the proceeding shall be re-heard.

[29] Walaupun Allahyarham Wan Adnan Ismail PMR (beliau ketika itu) telah meninggal dunia pada 24 Disember 2001, YA Dato' Abdul Malek Ahmad, HMP (beliau ketika itu) memutuskan bahawa kedudukan kes itu bertepatan dengan kehendak s 78 Akta Mahkamah Keadilan 1964. Oleh itu pada hemat kami keputusan dalam kes *Mohamad Ezam* adalah terpakai dan YA pesuruhjaya kehakiman itu terikat dengan keputusan ini.

[30] Mengenai keputusan dalam kes *Ketua Polis Negara v Abdul Ghani Haroon* [2001] 4 MLJ 11; [2001] 2 CLJ 574 yang didakwa En Karpal Singh terpakai dalam rayuan ini, ingin kami nyatakan di sini bahawa kami tidak sependapat dan berbeza pendapat dengan keputusan tersebut. Seperti yang telah kami nyatakan di awal penghakiman ini bahawa keputusan di dalam kes *Mohamad Ezam* adalah lebih munasabah dan wajar.

[31] Bagi memperjelaskan lagi keadaan di dalam rayuan ini kami rasa sesuai jika dirujuk kepada keputusan di dalam kes *Muhammad Jailani bin Kasim v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 6 MLJ 403; [2006] 4 CLJ 687 di mana Augustine Paul HMP (di ms 698–699) menyatakan:

> The resultant matter for consideration is whether the breach is subject to judicial review. The detention order against the appellant was issued by the Deputy Minister of Internal Security pursuant to s 6(1) of the Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) 1985 which reads as follows:
>
> 6.
>
> (1) Whenever the Minister, after considering:
>
> (a) the complete report of investigation submitted under subsection (3) of s 3; and
>
> (b) the report of the inquiry officer submitted under subsection (4) of s 5, is satisfied with respect to any person that such a person has been or associated with any activity relating to or involving the trafficking in dangerous drugs, the minister may, if he is satisfied that it is necessary in the interest of public order that such person be detained, by order (hereinafter referred to as a detention order) direct that such person be detained for a period not exceeding two years.
>
> It is manifestly potent that the minister, may make a detention order under s 6(1) of the Act only when he is satisfied of the need to do so *after he had considered the two reports specified in* s 6(1)(a) and (b) *of the Act.*

[32] Berpandukan alasan-alasan di atas, kami memutuskan bahawa di dalam rayuan ini, satu siasatan dan laporan penyiasatan seperti kehendak s 73 AKDN 1960 bukanlah satu pra syarat atau 'condition precedent' di dalam membuat satu perintah tahanan di bawah s 8(1) AKDN 1960 kerana tidak terdapat sebarang peruntukan seperti yang disebut di s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (lihat kes *Muhamad Jailani* di atas) dan dengan itu s 8(1) AKDN 1960 boleh berdiri secara sendiri (operate independently).

[33] Mengenai isu ketidakpatuhan prosedur kepada s 11(2)(b) AKDN 1960

dan k 3(1) Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat 1972 kami percaya bahawa YA Pesuruhjaya Kehakiman itu telah menanganinya dengan teliti dan memuaskan seperti yang terdapat di perenggan 33–37 (ms 235–238 rekod rayuan).

PENUTUP

[34] Pada kesimpulannya, pada hemat kami, perayu telah gagal untuk menunjukkan bukti berlakunya ketidakpatuhan atau perlanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosedur.

[35] Tidak syak lagi bagi kami bahawa perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah s 8(1) AKDN 1960 adalah sah dan mengikut undang-undang walaupun tiada siasatan atau laporan penyiasatan di bawah s 73 AKDN 1960 kerana kedua-dua seksyen ini tiada kaitan.

PERINTAH

[36] Berdasarkan kepada alasan-alasan dan nas-nas yang telah kami kemukakan di atas, kami sebulat suara bersetuju supaya rayuan ini ditolak. Begitu juga dengan keempat-empat rayuan yang berkenaan.

Rayuan-rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar